Lengkapkan tempat kosong dengan jawapan yang betul.

UNIT 5

Media Muzik

PEMUZIK MUDA MALAYSIA

Tengku Ahmad Irfan bin Tengku Ahmad Shahrizal merupakan anak _____ pertama yang diterima masuk ke sekolah berprestij Juilliard School, New York seawal usia 13 tahun. Beliau bertuah kerana mendapat bimbingan dan tunjuk ajar daripada _____ tersohor pada peringkat dunia, iaitu Dr. Yoheved Kaplinsky. Selain pernah membuat _____ di Washington dan New York sempena *Faces of 1Malaysia Festival*, Tengku Ahmad Irfan turut beraksi di pentas dunia termasuk Brazil, Hong Kong, Singapura, Vietnam, Estonia dan Kuala Lumpur.

Sekolah Seni Malaysia

Sekolah Seni Malaysia Sarawak telah mempersembahkan _____ Bidayuh, iaitu Sigar Ngikoh Jojak dan Wek Jongan serta tarian Rambai daripada etnik Tidong dari Sabah untuk muncul sebagai juara keseluruhan *International Folkdance Competition* pada 24 hingga 28 Julai 2014. Pertandingan yang disertai oleh _____ itu telah diadakan pada 24 hingga 28 Julai 2014 di Romania. Selain dinobatkan sebagai juara keseluruhan, lebih membanggakan, _____ ini turut memenangi kategori persembahan dan _____

DUTA NYANYIAN PELANCONGAN

_____ Haji Arshad telah dilantik sebagai "_____ Pelancongan Malaysia" pada tahun 1986. Beliau telah mendendangkan lagu tema kempen Melawat Malaysia, "Cintai Malaysia, Kenali Malaysia" (To Know Malaysia Is To Love Malaysia) ciptaan Carol Connors dari Amerika Syarikat semasa Persidangan Pelancongan Asia Pasifik (PATA) yang ke-35 di _____. Selain itu, beliau pernah dilantik menjadi duta bagi pelbagai syarikat gergasi terkenal, antaranya Proton dan Malaysia Airlines.

Nota Guru

Buku teks muka surat 71

LIVEWORKSHEETS